

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[DUNGUN]**

**SOALAN**

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]** minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan status pemilikan dan seliaan tanah tapak Balai Polis Lama Dungun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Tapak Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dungun, Terengganu dan Balai Polis Dungun yang lama adalah berkeluasan 1.505 hektar di atas Lot 1502 dan Lot 1055, No. Hakmilik 166(4) yang berstatus Rizab Persekutuan. Walau bagaimanapun, IPD dan Balai Polis ini telah berpindah ke kawasan baru di atas tapak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) Lot 8496 PT 6326, Mukim Sura, Dungun dengan keluasan 3.046 hektar pada tahun 2004 dengan perjawatan seramai 292 anggota.

Pada masa ini, tapak lama tersebut telah dipagarkan dan tidak mempunyai sebarang bangunan yang ditinggalkan. PDRM mempunyai hasrat untuk melaksanakan pembangunan ke atas tapak tersebut untuk dijadikan sebagai Kwarters Pegawai Kanan dan Pejabat Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT), namun atas kekangan dan keutamaan projek-projek lain yang lebih mendesak, perancangan projek tersebut ditangguhkan buat masa ini.